

UMP pasang panel solar di Thailand

➔ Program kemasyarakatan mantap semangat setia kawan dua negara

Oleh Nurul Nadira Shaari
bhnews@bh.com.my

■ Kuantan

Universiti Malaysia Pahang (UMP) baru-baru ini melakukan misi kemasyarakatan ke Kampung Tamalang Hilir Satun, Thailand, memabitkan penggunaan teknologi solar dan hijau.

Program Misi *We Love We Care* anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Pejabat Naib Canselor dan Persatuan Wanita UMP (Mahari) itu bagi merealisasikan hasrat universiti memasyarakatkan teknologi.

Menerusi program itu, peserta bersama penduduk kampung menjayakan aktiviti khidmat ma-

syarakat seperti gotong-royong memasak, mengecat bangunan sekolah agama dan aktiviti mewarna kanak-kanak, selain mengenali adat resam serta budaya tempatan.

Ia dirasmikan Ketua Operasi Keselamatan Dalam Negeri Wilayah Satun, Kolonel Pansawat Malarat. Yang turut hadir, Pendaftar UMP, Abd Hamid Majid dan Penghulu Tamalang, Nasir Dinman.

Abd Hamid berkata, ini adalah kunjungan keempat UMP ke perkampungan itu yang sememangnya dinantikan penduduk untuk beramah mesra dan bertemu sendiri dengan sukarelawan.

"Selain bertemu masyarakat desa, program memasyarakatkan teknologi diadakan dengan memasang panel solar bagi membantu



Mohd Nurulakla (kiri) bersama pasukannya bergotong-royong memasang panel solar di jeti Kampung Tamalang Hilir, Satun, Thailand.



Ini adalah kunjungan keempat UMP ke perkampungan itu yang sememangnya dinantikan penduduk untuk beramah mesra dan bertemu sendiri dengan sukarelawan"

Abd Hamid Majid,
Pendaftar UMP

penduduk di sana serta memantapkan semangat setia kawan antara Malaysia dan Thailand," katanya dalam satu kenyataan media di sini, semalam.

Tangani masalah anal-anai

Selain pemasangan panel solar, UMP turut menggunakan Pisopeter, iaitu produk berteknologi hijau pertama di Malaysia yang mesra alam dalam menangani serangan anal-anai, di sekolah tadika kampung berkenaan.

Abd Hamid berkata, produk itu dihasilkan anak syarikat UMP iaitu UMP Ecopest Sdn Bhd yang bertanggungjawab mengkomersialkan produk kawalan anal-anai dan serangga.

Katanya, syarikat itu mendapat kemudahan pengkomersialan me-

lalui dana Perkomersialan Penyelidikan dan Pembangunan (CR-DF).

"Turut diperkenalkan inovasi pembinaan inkubator oleh jurutera Jabatan Penyelidikan dan Inovasi, Mohd Nurulakla Mohd Azlan bersama pasukannya yang boleh digunakan untuk penetasan telur secara efektif dan berkesan.

"Inkubator yang akan digunakan penduduk kampung itu mampu meningkatkan kadar penetasan telur, malah boleh juga digunakan sebagai pengering ikan masin," katanya.

Pada misi itu, Persatuan Wanita UMP turut menyampaikan sumbangan wang tunai, makanan dan keperluan telekung untuk diwakafkan di masjid berhampiran.